



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

PETRA LANCAR PROGRAM SuRIA HOME BAGI MEMPERLUAS AKSES SOLAR RAKYAT DAN MENGURANGKAN KESAN KENAIKAN KOS TENAGA

PUTRAJAYA, 22 Mei 2026 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah melancarkan program Sustainable Rebate & Incentive Assistance (SuRIA) Home sebagai inisiatif baharu bagi membantu rakyat mengurangkan kos elektrik melalui pemasangan sistem solar bumbung kediaman. Pengumuman tersebut dibuat oleh YAB Datuk Amar Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air semasa Perhimpunan Bulanan PETRA di Menara PETRA.

Pelaksanaan program ini merupakan sebahagian daripada langkah Kerajaan dalam membantu rakyat menghadapi cabaran krisis bekalan global (KBG) berikutan peningkatan kos tenaga dan ketidaktentuan pasaran tenaga global akibat konflik geopolitik di Asia Barat, di samping mempercepatkan agenda peralihan tenaga negara.

Sejumlah RM150 juta diperuntukkan bagi inisiatif rebat solar SuRIA Home. Di bawah program ini, pengguna Domestik yang memasang sistem Solar ATAP dan memenuhi kriteria kelayakan boleh menerima rebat sebanyak RM600 bagi setiap 1kWac pemasangan solar sehingga maksimum RM3,000 bersamaan 5kWac. Program ini dijangka memberi manfaat kepada antara 45,000 hingga 50,000 rumah dengan kapasiti solar terkumpul sekitar 250MW, sekali gus memperluas penggunaan solar bumbung kediaman di seluruh negara.

Program SuRIA Home akan dibuka kepada pemasangan solar yang di bawah program Solar ATAP yang mula beroperasi bagi tempoh sehingga 31 Disember 2026 atau sehingga kuota 250MW dipenuhi, yang mana terdahulu. Pelaksanaan rebat pula akan bermula pada 1 Jun 2026 dan tertakluk kepada prinsip *first come, first served*.

Bagi memastikan bantuan ini dapat dinikmati secara adil dan telus, hanya warganegara Malaysia yang merupakan pengguna individu Domestik Voltan Rendah (LV) dan telah berjaya memulatugas sistem solar ATAP dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) layak menerima rebat dengan had tuntutan sekali bagi setiap individu. Pengguna yang layak akan diberi notifikasi menerusi email berdaftar dengan TNB untuk memajukan butiran akaun bank. Pembayaran rebat akan disalurkan terus ke akaun bank tempatan di bawah nama pelanggan TNB yang berdaftar selepas pengesahan permohonan dibuat oleh pihak TNB. Pengguna yang pernah menerima bantuan atau rebat solar sebelum ini tidak layak di bawah program ini.

Dalam masa yang sama, PETRA turut menegaskan bahawa mana-mana pihak termasuk penyedia solar yang didapati menyalahgunakan sistem permohonan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) boleh disenarai hitam daripada menyertai program insentif pada masa hadapan.

Pelaksanaan SuRIA Home mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memastikan manfaat peralihan tenaga dapat dirasai secara langsung oleh rakyat, selaras dengan prinsip keterangkuman, kemampuan dan keterjaminan tenaga negara. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, PETRA juga akan terus memperkukuh pelaksanaan inisiatif tenaga hijau dan kecekapan tenaga bagi menyokong aspirasi negara mencapai 70% kapasiti tenaga boleh baharu menjelang tahun 2050.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
22 Mei 2026

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

